

Lynas boleh beroperasi dengan syarat: Dr M

> PM mahu bahan dibawa masuk dibersihkan, dihapus radioaktif terlebih dahulu

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

> **Putrajaya**

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Lynas boleh terus beroperasi di Malaysia, dengan syarat bahan mentah yang dibawa ke negara ini dibersihkan dan dihapuskan radioaktif terlebih dahulu.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama, Malaysia akan membuka perniagaan perlombongan nadir bumi ke syarikat lain dan mereka hanya dibenarkan beroperasi jika mereka mematuhi syarat kerajaan.

“Kami (Kabinet) bersetuju membuka perniagaan yang sama kepada syarikat lain.

“Ada syarikat lain yang sanggup membeli dan mengambil alih Lynas,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di sini, semalam.

Sebelum ini, timbul percanggahan pendapat antara menteri

Mereka kena berjanji kepada kita bahawa pada masa akan datang, sebelum menghantar bahan mentah ke Malaysia, mereka perlu membersihkannya terlebih dahulu dan membuang apa saja radioaktif yang ada”

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

berhubung isu Lynas.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof dan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin mempunyai pandangan berbeza mengenai isu berkenaan.

Begitu juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh yang sejak 2008 membantah operasi kilang Lynas di Gebeng Kuantan.

Perdana Menteri menjelaskan keputusan membenarkan Lynas terus beroperasi adalah

keputusan Kabinet selepas dibincangkan secara bersama.

“Keputusan ini dibuat ketika mesyuarat Kabinet hari ini (semalam), selepas beberapa ahli kemukakan pendapat yang berbeza berhubung syarikat Lynas ini,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir menjelaskan syarikat lain yang ingin melabur dalam perniagaan berkaitan perlu menyatakan komitmen atau berjanji menghantar bahan mentah nadir bumi yang sudah dibersihkan dan selamat kepada umum.

“Mereka kena berjanji kepada kita bahawa pada masa akan datang, sebelum menghantar bahan mentah ke Malaysia, mereka perlu membersihkannya terlebih dahulu dan membuang apa saja radioaktif yang ada.

“Kita tidak mahu menerima bahan mentah yang masuk ke sini adalah bahan yang memberi kesan atau bukan sampah yang tidak berbahaya kepada sesiapa sahaja,” katanya.

Syarat tidak terhad kepada Lynas sahaja

Dr Mahathir berkata syarat itu tidak terhad kepada Lynas, tetapi kepada semua syarikat yang setuju menceburi perniagaan itu.

Lynas yang berpangkalan di Australia mempunyai kilang pemrosesan di Gebeng, Pahang, tetapi menghadapi masalah mendapatkan pembaharuan lesen untuk loji itu kerana kebimbangan mengenai pengu-

rusan sisa.

Mohd Redzuan sebelum ini dilaporkan berkata, operasi Lynas di Gebeng, Kuantan akan diteruskan kerana pelaburan syarikat memproses nadir bumi itu terlalu besar untuk diabaikan kerajaan.

Bagaimanapun, Fuziah yang lantang menentang Lynas sejak projek itu diperkenalkan pada 2008, membidas pandangan Mohd Redzuan dan menyifatkan Menteri Pembangunan Usahawan itu tiada locus standi untuk berbicara soal Lynas, sebaliknya ia tanggungjawab Bee Yin.

Bee Yin pada Disember lalu dilaporkan berkata, Lynas perlu menghormati perjanjian syarikat itu untuk membawa keluar sisa buangan dari negara ini, berdasarkan komitmen dinyatakan menerusi surat aku janji bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012.